

Felda tak boleh alpa: TPM

BH- 7/12/2006

Kejayaan sepanjang 50 tahun harus jadi pembakar semangat untuk terus maju

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengingatkan pengurusan Felda serta 27,000 kakitangannya supaya tidak dibuai kealpaan berikutan pelbagai kejayaan yang dikecapi agensi pembangunan luar bandar itu sejak 50 tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, seluruh kakitangan Felda sebaliknya perlu meningkatkan keinginan untuk mencapai kejayaan melalui kaedah bekerja lebih kuat, berdisiplin dan sentiasa menilai tugas yang dilakukan.

“Kita bangga dengan kejayaan dicapai Felda sejak 50 tahun penubuhannya, tapi kita jangan sekali-kali alpa, lalai atau terlalu gembira berada dalam zon selesa sekarang.

“Ada orang kata kita mesti bekerja kuat, tetapi ada juga orang bekerja kuat tetapi tidak ke mana-mana. Kerja kuat saja tidak mencukupi, tapi kita mesti menilai kelemahan diri”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

“Apakah rahsia kejayaan? Ada orang kata kita mesti bekerja kuat, tetapi ada juga orang bekerja kuat tetapi tidak ke mana-mana. Kerja kuat saja tidak mencukupi, tapi kita mesti menilai kelemahan diri,” katanya pada majlis Malam Semai Bakti anjuran Felda, di Dewan Perdana Felda, di sini, malam tadi.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor; dan Pengarah Besar Felda, Datuk Khamis Md Som.

Anugerah Semai Bakti diberikan kepada pegawai dan kakitangan Felda yang memberikan perkhidmatan cemerlang, bertujuan mengiktiraf pengorbanan mereka memajukan organisasi berkenaan.

Darjah Utama Anugerah Semai Bakti diberikan kepada Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan) Felda, Ahmad Tarmizi Alias, manakala darjah kedua kepada enam orang dan darjah ketiga kepada 11 kakitangan.

Selain itu, 10 kakitangan dipilih menerima Anugerah Khidmat Bakti, manakala lima menerima Anugerah Pengurus Terbaik.

Najib berkata, pengurusan Felda seperti organisasi lain tidak seharusnya hanya berfungsi sebagai pengurus kewangan dan pemasaran, sebaliknya turut memainkan peranan sebagai pihak yang mampu mengenal pasti bakat kakitangan.

Beliau berkata, bakat seseorang pekerja terbabit perlu diberi motivasi supaya mereka mampu terus mengembangkan operasi dan keja-

yaan organisasi.

“Dalam pemikiran terkini, tugas ini tidak harus diberikan kepada Jabatan Sumber Manusia saja. Tugas mengenal pasti bakat yang boleh berkhidmat dan memupuk mereka hingga menjadi lebih produktif harus menjadi tugas penting ketua organisasi.

“Jika setakat mengiktiraf mereka dengan memberi pingat saja, ia tidak akan memberi kesan menyeluruh kepada organisasi.

“Tapi jika kita menganggap malam ini sebagai manifestasi untuk memajukan bakat warga kerja yang mempunyai kebolehan dan seterusnya membudayakannya, kita akan

mencapai kejayaan lebih gemilang,” katanya.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan setiap warga Felda harus memiliki komitmen berkenaan bagi membolehkan Felda menempa nama dalam bidang perladangan pada peringkat antarabangsa.